

**STRATEGIC EFFECTIVENESS OF ZAKAT AID IMPLEMENTATION IN EMPOWERING THE ASNAF ECONOMY: A STUDY IN TAIPING, PERAK**

**STRATEGI KEBERKESANAN PELAKSANAAN BANTUAN ZAKAT DALAM MEMPERKASA EKONOMI ASNAF: KAJIAN DI TAIPING, PERAK**

Muhamad Zuhaili Saiman<sup>i</sup> & Farah Dahlia Mustaffa Kamal<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. mdzuhaili@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Protege, Pertubuhan Peladang Nasional (NAFAS), 47810 Kota Damansara, Malaysia. Farahdahliah27@gmail.com

Received: 6 June 2025

*Article Progress*  
Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>Poverty is a serious issue that directly impacts a country's economic development. According to statistics, the state of Perak records a total of 34,673 household heads still living in poverty. As one of the institutions responsible for poverty eradication efforts, the Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) plays a crucial role in distributing zakat to asnaf groups. This study aims to examine the forms of zakat assistance that empower asnaf economically, analyze the effectiveness of these aids, and identify challenges in their implementation. This study employs a qualitative approach by collecting data through document analysis and interviews with two MAIPk officers. The findings indicate that two primary forms of assistance effectively empower asnaf economically, namely capital assistance and entrepreneurial training programs. These forms of aid have been proven effective in helping poor and destitute asnaf improve their livelihoods, with some recipients successfully escaping poverty and becoming zakat payers. However, the study also identifies several challenges in implementing these assistance programs, including dishonesty among recipients and low commitment levels toward economic development initiatives. Accordingly, several recommendations have been proposed to enhance the effectiveness of MAIPk's zakat programs in the future, including improvements in monitoring mechanisms, recipient screening processes, and ongoing support for asnaf entrepreneurs. It is hoped that this study contributes to strengthening the impact of zakat in empowering asnaf economically and eradicating poverty effectively.</i></p> <p>Keywords: <i>Asnaf, Economy, Poverty, Entrepreneurship, Zakat</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kemiskinan merupakan isu serius yang memberi kesan langsung terhadap pembangunan ekonomi negara. Berdasarkan statistik, negeri Perak mencatatkan seramai 34,673 ketua isi rumah yang masih berada dalam kemiskinan. Sebagai salah satu institusi yang bertanggungjawab dalam usaha membasmi kemiskinan, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) memainkan peranan penting melalui agihan zakat kepada golongan asnaf. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk bantuan zakat yang dapat memperkasa ekonomi asnaf, menganalisis keberkesanan bantuan tersebut, serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Kajian ini</i></p>

	<p><i>menggunakan pendekatan kualitatif melalui pengumpulan data menerusi kajian dokumentasi dan temu bual bersama dua pegawai MAIPk. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua bentuk bantuan utama yang berupaya memperkasa ekonomi asnaf, iaitu bantuan modal serta skim latihan dan kursus keusahawanan. Bantuan ini terbukti berkesan dalam membantu asnaf fakir dan miskin meningkatkan taraf hidup mereka, dengan sebahagian penerima berjaya keluar daripada kemiskinan dan menjadi pembayar zakat. Namun, kajian turut mengenal pasti beberapa cabaran dalam pelaksanaan bantuan ini, termasuk ketidakjujuran penerima dan tahap komitmen yang rendah terhadap program pembangunan ekonomi. Sehubungan itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan program zakat MAIPk pada masa hadapan, termasuk penambahbaikan dalam aspek pemantauan, saringan penerima, serta sokongan berterusan kepada usahawan asnaf. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada usaha meningkatkan impak zakat dalam memperkasa ekonomi asnaf dan membasmi kemiskinan secara berkesan.</i></p> <p>Kata kunci: asnaf, ekonomi, kemiskinan, keusahawanan, zakat</p>
--	---

## PENDAHULUAN

Institusi zakat merujuk kepada institusi Islam yang bertanggungjawab menguruskan kewangan masyarakat Muslim, khususnya dalam aspek kutipan dan agihan zakat kepada golongan asnaf bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Menurut Mujaini Tarimin (2006), institusi zakat adalah institusi yang dilantik oleh kerajaan yang berkuasa dan bertanggungjawab untuk mengutip serta mengagihkan dana zakat kepada asnaf yang telah ditetapkan dalam al-Quran, Hadis, dan ijihad ulama. Shofian Ahmad dan Luqman Mahadi (2013) turut mentakrifkan institusi zakat sebagai wakil kerajaan dalam menguruskan segala urusan berkaitan zakat, termasuk kutipan dan agihan zakat kepada asnaf. Di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di beberapa negeri dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pentadbiran kerajaan negeri masing-masing (Mohamed Hasbullah & Harun, 2022).

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun di seluruh dunia ialah kemiskinan. Sejak peristiwa 13 Mei 1969, isu ini menjadi keutamaan kerajaan Malaysia. Pelbagai dasar dan program telah dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat, khususnya kumpulan B40. Dalam konteks ini, institusi zakat turut memainkan peranan penting dalam memperbaiki kesejahteraan ekonomi umat Islam di Malaysia. Zakat merupakan salah satu mekanisme yang berkesan dalam mengurangkan kemiskinan, sama ada melalui bantuan bulanan tetap atau pemberian modal yang membolehkan asnaf berdikari. Memandangkan isu kemiskinan perlu ditangani secara berterusan dan bukan pada waktu tertentu sahaja, institusi zakat kini mula melaksanakan program jangka panjang untuk membasmi kemiskinan (Meerangani et al., 2023).

Sejak dahulu, umat Islam sentiasa berusaha menunaikan zakat bagi memperoleh ganjaran yang berpanjangan sehingga hari kiamat. Malah, amalan zakat terus diamalkan sehingga kini sebagai salah satu sunnah Nabi Muhammad SAW (Don, 2019). Selain itu, zakat juga berpotensi menjadi sumber dana penting dalam pembangunan ekonomi. Keupayaan untuk mengagihkan kekayaan kepada golongan lain adalah elemen penting yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Rahman, 2009).

## LATAR BELAKANG

Di negeri Perak, institusi zakat yang bertanggungjawab menguruskan zakat ialah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). MAIPk ditubuhkan pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949 semasa pemerintahan Sultan Yussuf Izzudin Shah. Penubuhan MAIPk bertujuan untuk membantu dan menasihati Sultan dalam hal-hal berkaitan Islam dan adat Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Kerajaan

Negeri Perak. Selain itu, pada 1 Mei 1952, undang-undang khusus berkaitan pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di negeri Perak telah diluluskan dan dikuatkuasakan secara rasmi (History of Islamic Religious Council and Malay Custom, n.d.).

Kemiskinan merupakan isu serius yang sering dibincangkan kerana kesannya terhadap pembangunan ekonomi negara. Berdasarkan laporan akhbar Sinar Harian, Perak merupakan salah satu negeri di Malaysia dengan kadar kemiskinan tertinggi, bersama Kelantan, Sabah, dan Sarawak (Sinar Harian, 2021 September 21). Selain itu, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenaan status kemiskinan di Malaysia sehingga 29 Februari 2024, Perak mencatatkan sebanyak 34,673 ketua isi rumah yang masih hidup dalam kemiskinan. Jumlah ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu miskin sebanyak 28,634 orang dan miskin tegar sebanyak 6,039 orang. Statistik ini menunjukkan bahawa ramai penduduk di Perak masih berada dalam keadaan kemiskinan (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2024).

Isu kemiskinan yang berterusan menjadi kebimbangan utama yang memerlukan penyelesaian di peringkat nasional dan global. Oleh itu, institusi yang bertanggungjawab perlu melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membasmi kemiskinan. Di Malaysia, institusi zakat merupakan salah satu entiti penting dalam menangani isu ini, khususnya yang melibatkan asnaf. Institusi zakat berperanan mengagihkan dana zakat kepada golongan asnaf yang layak, termasuk fakir dan miskin yang tergolong dalam kategori asnaf. Peranan zakat dalam sektor ekonomi amat penting dalam menggerakkan aktiviti ekonomi masyarakat sesebuah negeri serta membasmi kemiskinan di kawasan tersebut. Hal ini kerana zakat dilaksanakan melalui pelbagai projek yang berpotensi memberikan manfaat ekonomi secara langsung atau tidak langsung kepada umat Islam.

Di Taiping, Perak, institusi zakat yang bertanggungjawab membantu golongan miskin memperbaiki ekonomi mereka ialah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) cawangan Taiping. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengetahui jenis bantuan zakat yang dapat memperkasa ekonomi asnaf. Selain itu, kemiskinan yang dihadapi oleh asnaf fakir dan miskin turut menimbulkan isu serius apabila ada dalam kalangan mereka yang tidak mampu menyediakan pendidikan yang mencukupi untuk anak-anak. Walaupun keluarga ini mempunyai keinginan tinggi untuk melanjutkan pelajaran, kekangan kewangan sering menghalang mereka daripada membayar yuran sekolah. Akibatnya, ramai anak-anak terpaksa meninggalkan persekolahan walaupun memiliki potensi cemerlang dalam akademik. Faktor utama keciciran pendidikan ini adalah status sosioekonomi keluarga yang rendah, yang menyukarkan ibu bapa menanggung kos pendidikan anak-anak (Azman & Siti Martiah, 2014). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk bantuan zakat yang dapat memperkasa ekonomi asnaf, sekaligus membantu mereka keluar daripada kitaran kemiskinan.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Peranan Zakat Kepada Usahawan Asnaf**

Zakat merupakan salah satu ibadah yang penting kerana ia berkait rapat dengan aspek sosial dan kebajikan umat Islam, terutamanya dalam membantu golongan yang memerlukan atau kurang berkemampuan untuk memenuhi keperluan hidup. Menurut al-Ghazali (1966), zakat adalah ibadah yang mengandungi unsur maslahat. Sekiranya tidak diurus dengan baik, ia akan memberi kesan kepada hak dan kepentingan golongan fakir miskin serta masyarakat secara keseluruhan (Ali et al., 2017).

Menurut al-Qaradawi (1987), zakat dari segi istilah ialah kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk mengagihkan sebahagian harta tertentu kepada golongan yang berhak, atau dalam erti kata lain, memperuntukkan sebahagian harta kepada asnaf. Ali Akbar Osman (1995) pula mentakrifkan zakat sebagai sejumlah harta tertentu yang diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat tertentu. Oleh itu, zakat dari segi istilah atau fihiyyah boleh difahami sebagai sejumlah

harta yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diserahkan kepada kumpulan yang layak apabila syarat-syaratnya dipenuhi. Harta yang disalurkan kepada asnaf ini bertujuan menyucikan diri daripada sifat bakhil, dengki, dan dendam, serta meningkatkan ganjaran bagi mereka yang menginfakkannya (Omar et al., 2016).

Seorang usahawan pula ialah individu yang sanggup mengambil risiko untuk menceburi bidang perniagaan dan bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serantau yang pesat. Usahawan perlu mempunyai persediaan berterusan dari segi pengetahuan, kemahiran, dan modal perniagaan. Namun, bagi asnaf fakir dan miskin, mustahil untuk mereka menjadi usahawan yang berjaya tanpa bantuan dan sokongan. Oleh itu, Islam telah menetapkan beberapa peraturan kewangan bagi mewujudkan dana untuk kemaslahatan umat, dan zakat dilihat mampu membantu komuniti asnaf ke arah melahirkan usahawan asnaf yang berjaya (Yaakub & Adnan, 2018).

Secara umum, usahawan asnaf merujuk kepada golongan asnaf, terutamanya daripada kategori fakir dan miskin, yang diusahakan untuk ditransformasi daripada asnaf tidak produktif kepada asnaf produktif melalui platform keusahawanan. Menurut Isma Addi (2007), usahawan asnaf ialah individu yang perlu melalui proses pembentukan perniagaan bagi memastikan mereka dapat memikul tanggungjawab sebagai usahawan serta memiliki keyakinan untuk menceburi bidang perniagaan dengan sokongan dan bantuan daripada institusi zakat di Malaysia. Definisi ini merujuk kepada individu dalam kalangan asnaf zakat, khususnya kategori fakir, miskin, dan muafak. Proses pembentukan perniagaan melibatkan fasa-fasa tertentu yang mesti dilalui sebelum individu ini dapat menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan, dan bimbingan daripada institusi zakat negeri masing-masing (Hardi et al., 2022).

### **Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Usahawan Asnaf**

Kajian berkaitan institusi zakat dan keberkesanan pengagihan zakat telah dilakukan secara meluas. Zakat merupakan fardu ain bagi individu yang berkemampuan untuk menyumbangkan sebahagian harta kepada golongan asnaf. Menurut Noor Syafinas Muda (2014), dari sudut pandangan ekonomi, pengagihan zakat yang sebenar bermula dengan kutipan zakat daripada golongan berkemampuan dan seterusnya diagihkan dalam jumlah yang bersesuaian kepada golongan fakir dan miskin. Proses ini membantu mengurangkan jurang pendapatan antara kedua-dua kumpulan tersebut. Salah satu matlamat utama institusi zakat ialah memastikan golongan fakir dan miskin sentiasa dibantu oleh masyarakat Muslim yang berkemampuan (Muda, 2014).

Seiring dengan kajian Khairul Azhar Meerangani (2017) bertajuk "Potensi Zakat dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia", beliau turut berpendapat bahawa tujuan pengagihan zakat adalah untuk merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Beliau juga menyatakan bahawa pembayaran zakat merupakan satu bentuk penghormatan diri bagi pembayar zakat kerana ia adalah manifestasi tanggungjawab terhadap Allah sebagai hamba-Nya (Meerangani, 2017).

Kajian oleh Mohamed Hasbullah dan Harun (2022) bertajuk "Governance of Zakat Institution in Penang: Roles and Contributions to the Economy of the Asnaf in Penang" pula menyatakan bahawa Program Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan merupakan salah satu skim bantuan produktif yang diperkenalkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk meningkatkan ekonomi golongan asnaf di negeri tersebut. Antaranya ialah Bantuan Modal dan Peralatan atau Mesin yang diperkenalkan pada tahun 1999. Bantuan ini menyasarkan golongan asnaf yang berhasrat memulakan perniagaan. Pada tahun 2002, ZPP melancarkan Program Gerakan Kerja Asnaf yang merangkumi lima program utama: Gerakan Runcit Asnaf, Pertanian Asnaf, Jahitan Asnaf, Katering Asnaf, dan Teknologi Maklumat Asnaf. Program ini bertujuan memberikan latihan dan kemahiran kepada asnaf dalam pelbagai bidang, sekaligus membolehkan mereka berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan ZPP (Mohamed Hasbullah & Harun, 2022).

Selain itu, kajian oleh Mohd Hardi et al. (2022) bertajuk “The Effectiveness of Asnaf Entrepreneurship Program by Lembaga Zakat Negeri Kedah” menyatakan bahawa Program Pembangunan Asnaf oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bertujuan memperkasa potensi asnaf melalui pelbagai program dengan tumpuan kepada keusahawanan. Program ini menyediakan modal dan peralatan kepada peserta untuk meningkatkan perniagaan dan taraf hidup mereka. Kajian yang dijalankan di Kuala Muda, Kedah, melibatkan temu bual dengan lapan usahawan asnaf yang menerima bantuan. Faktor utama yang mendorong asnaf menyertai program ini termasuk keperluan modal tambahan, kestabilan kewangan, dan keinginan untuk meningkatkan taraf hidup melalui perniagaan. Program ini berjaya melahirkan usahawan, malah sebahagian daripada mereka telah menjadi pembayar zakat (Hardi et al., 2022).

Kajian Rahman et al. (2018) dalam jurnal “Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi MyEMA” pula membincangkan pengurusan program pembangunan ekonomi oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kedua-dua institusi ini menjalankan program pembangunan ekonomi yang memberi peluang kepada asnaf berpotensi untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Bantuan yang disalurkan termasuk kursus keusahawanan, bantuan modal, dan pengurusan perniagaan. MAIWP menyalurkan dana zakat kepada empat program utama, salah satunya ialah pembangunan ekonomi, manakala LZS menekankan lima program khas dengan pembangunan ekonomi sebagai strategi utama untuk mentransformasi asnaf menjadi individu produktif. Kajian ini mendapati program keusahawanan asnaf memberikan impak signifikan terhadap ekonomi asnaf dengan mengeluarkan mereka daripada kumpulan asnaf, sekali gus menyumbang kepada ekonomi negara (Rahman et al., 2018).

Menurut kajian Meerangani dan Azhar (2019) bertajuk “Asnaf’s Entrepreneur Transformation by Asnaf’s Economic Program, Lembaga Zakat Selangor”, program ekonomi yang dilaksanakan oleh LZS di Kuala Selangor berjaya meningkatkan taraf hidup usahawan asnaf. Kajian yang melibatkan lapan peserta ini menunjukkan bahawa LZS berjaya melahirkan kumpulan usahawan dalam kalangan asnaf. Hasilnya, bilangan asnaf di Selangor, khususnya di daerah Kuala Selangor, telah berkurang. Secara tidak langsung, bilangan pembayar zakat juga meningkat, yang membolehkan lebih ramai asnaf menerima bantuan. Namun, LZS perlu terus memperbaiki kualiti program untuk masa hadapan (Meerangani & Azhar, 2019).

Akhir sekali, kajian oleh Ismail et al. (2021) bertajuk “Strengthening The Economic Development Program For Asnaf Entrepreneurs Through Zakat Funds” merumuskan bahawa program pembangunan ekonomi untuk usahawan asnaf dapat diperkukuh melalui tiga strategi utama: mengeluarkan mereka daripada kemiskinan melalui bantuan modal, latihan, dan sokongan; mengenal pasti potensi asnaf sebelum menjadi usahawan; serta menganjurkan program keusahawanan khusus untuk mereka. Kajian ini menegaskan kepentingan kerjasama antara umat Islam, institusi zakat, kerajaan, sektor swasta, dan asnaf sendiri bagi memastikan kejayaan program pembangunan ekonomi asnaf (Ismail et al., 2021).

### **Agihan Zakat Oleh Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) Berdasarkan Program Pembangunan Tahun 2020-2023**

Terdapat dua jenis laporan statistik pengagihan zakat, iaitu statistik pengagihan zakat berdasarkan asnaf dan statistik pengagihan zakat berdasarkan program pembangunan. Dalam bahagian ini, pengkaji memilih untuk menumpukan kepada statistik pengagihan zakat berdasarkan program pembangunan.

	2016	2017	2018	2019	2020
SOSIAL	73,328,304	77,633,761	86,685,855	91,788,893	98,631,329
PENDIDIKAN	29,989,126	31,522,605	33,585,824	39,083,551	29,697,149
EKONOMI	3,080,636	2,727,668	3,713,403	4,457,552	2,574,709
INSAN	5,235,453	5,777,157	5,855,315	5,516,457	5,718,141
INFRASTRUKTUR	774,653	1,989,237	2,096,324	1,724,000	865,000
KOLABORASI	3,946,602	7,037,198	5,554,841	6,097,253	4,859,690
GST	-	211,365	99,042	-	-
JUMLAH	116,354,774	126,898,991	137,590,604	148,667,706	142,346,018

Rajah 1.1: Agihan Zakat Berdasarkan Program Pembangunan Bagi Tahun 2016 -2020 - Laporan Tahunan MAIPk (2020)

Berdasarkan Rajah 1.1, laporan turut menyatakan statistik pengagihan zakat mengikut program pembangunan bagi tahun 2020. Pada tahun tersebut, sejumlah RM142,346,018 telah diagihkan oleh MAIPk kepada golongan asnaf melalui program pembangunan. Pengagihan tertinggi adalah melalui Program Pembangunan Sosial, dengan jumlah sebanyak RM98,631,329. Manakala, pengagihan terendah adalah melalui Program Pembangunan Infrastruktur, dengan jumlah sebanyak RM865,000.

Bagi Program Pembangunan Ekonomi Asnaf, jumlah pengagihan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM2,574,709, yang menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih berkuat kuasa sehingga akhir tahun 2020, menyebabkan semua aktiviti perlu ditangguhkan dan dijadualkan semula ke tahun berikutnya, kecuali satu aktiviti iaitu Skim Bantuan Modal Asnaf (ABaM). Berdasarkan pencapaian pelaksanaan skim ABaM, kadar kejayaan Program Pemerksaan Ekonomi hanya mencapai 22.33%, dengan 67 orang asnaf berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga masing-masing, melebihi had kifayah. Walaupun jumlah ini kecil, kejayaan tersebut menjadi inspirasi kepada pihak pengurusan MAIPk untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan terbaik dalam membantu masyarakat yang ingin meningkatkan taraf hidup mereka (Laporan Tahunan MAIPk, 2020).

	2017	2018	2019	2020	2021
	RM	RM	RM	RM	RM
KEBAJIKAN	77,633,761	86,685,855	91,788,893	98,631,329	93,914,753
PENDIDIKAN	31,522,605	33,585,824	39,083,551	29,697,149	29,121,071
EKONOMI	2,727,668	3,713,403	4,457,552	2,574,709	1,902,387
INSAN	5,777,157	5,855,315	5,516,457	5,718,141	5,955,972
INFRASTRUKTUR	1,989,237	2,096,324	1,724,000	865,000	1,354,000
KOLABORASI	7,037,198	5,554,841	6,097,253	4,859,690	2,244,966
GST	211,365	99,042	-	-	-
JUMLAH	126,898,991	137,590,604	148,667,706	142,346,018	134,493,149

Rajah 1.2 Agihan Zakat Berdasarkan Program Pembangunan Bagi Tahun 2017 -2021 - Laporan Tahunan MAIPk (2021)

Menurut rajah di atas, pada tahun 2021 agihan zakat berdasarkan program pembangunan telah mencecah jumlah RM 134,493,149. Bahagian terbesar, RM 93,914,753, dikhususkan untuk program kebajikan atau pembangunan sosial, diikuti

program pembangunan pendidikan, program pembangunan insan, program kerjasama, program pembangunan ekonomi dan program pembangunan infrastruktur. Bagi memfokuskan program pembangunan ekonomi pada 2021, agihan zakat memperuntukkan RM 1,902,387 khusus kepada program pembangunan ekonomi. Jumlah ini ditujukan kepada inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi asnaf, membantu mereka menjadi lebih berdikari dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Peruntukan ini adalah sebahagian daripada strategi yang lebih meluas untuk mengurangkan kebergantungan kepada bantuan dengan memperkasakan individu melalui peluang ekonomi dan keusahawanan (Laporan Tahunan MAIPk, 2021).



Rajah 1.3: Agihan Zakat Berdasarkan Program Pembangunan Tahun 2022 – MAIPk (2023)

Disebabkan ketiadaan laporan tahunan 2022, pengkaji memilih untuk dirujuk ke laman web rasmi MAIPk berkaitan agihan zakat berdasarkan program pembangunan. Menurut rajah di atas dari laman web rasmi MAIPk, agihan zakat pada tahun 2022 telah mencecah RM 124.06 juta dan telah diagihkan kepada 6 program pembangunan teras, seperti program pembangunan sosial, program pembangunan pendidikan, program pembangunan insan, program kolaborasi, program pembangunan ekonomi. dan program pembangunan infrastruktur. Seperti yang kita dapat lihat, jumlah agihan terbesar pada tahun 2022 adalah dalam program pembangunan sosial yang berjumlah RM 90.31 juta. Bagi program pembangunan ekonomi pula, jumlah yang diperuntukkan ialah RM 2.44 juta dan diagihkan kepada 728 penerima. Di bawah program pembangunan ekonomi ini, terdapat dua skim bantuan iaitu bantuan modal dan bantuan latihan dan kursus pembangunan usahawan (MAIPk, 2023).



Rajah 1.3: Agihan Zakat Berdasarkan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf Tahun 2023 - Bernama (2024, Mac 17)

Pada tahun 2023, dana zakat di negeri Perak telah mencecah RM145.2 juta iaitu melebihi tahun 2022. Ia telah diagihkan kepada lima kategori asnaf iaitu fakir miskin, muallaf, ghorimin (orang berhutang), ibnu sabil dan fisabilillah dengan peratusan pencapaian keseluruhan sebanyak 90.76%. Asnaf fakir dan fakir miskin menjadi tumpuan agihan zakat terbesar dengan jumlah agihan mencecah RM108 juta. Penerima agihan zakat kedua terbesar ialah asnaf fisabilillah dengan jumlah agihan RM29.9 juta. Matlamat mengurangkan jurang perbezaan sosioekonomi masyarakat terus menjadi keutamaan bagi mengurangkan golongan miskin tegar pada tahun 2023. MAIPk memperkasa golongan miskin tegar dan miskin yang dikenal pasti mempunyai minat dan berpotensi untuk menjalani latihan kemahiran dan kursus asas usahawan. Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) telah berjaya membantu golongan asnaf yang berpotensi memajukan diri dalam bidang keusahawanan dengan memberi bantuan modal dan latihan. MAIPk juga meneruskan program latihan dan penempatan kerjaya golongan asnaf muda. Kejayaan peserta program bantuan lesen memandu percuma kelas E dan H dalam kalangan asnaf telah membantu sebahagian besar daripada mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah (Rashid, 2024).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif di mana proses pengumpulan data dijalankan melalui kaedah kajian dokumentasi dan temu bual. Dokumen yang digunakan sebagai data kajian melibatkan penulisan dalam bentuk artikel, buku, laporan dan apa sahaja yang berkaitan dengan bidang pengajian. Penyelidikan dokumen juga merujuk kepada kaedah mengumpul data melalui penulisan sedia ada seperti penerbitan tempatan, penerbitan dari luar negara, jurnal, buku, majalah, akhbar, laporan tahunan dan laporan penyelidikan universiti. Kaedah kajian dokumen yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Perak. Data adalah penting untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.

Analisis data dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menilai dan menafsir maklumat yang diperolehi daripada dokumen dan temu bual. Kaedah ini membolehkan data dianalisis secara sistematik dengan mengenal pasti tema, corak, dan hubungan antara maklumat yang dikaji. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merangkumi protokol temu bual berstruktur dan senarai semak analisis dokumen. Protokol temu bual berstruktur digunakan bagi memastikan keseragaman dalam

pengumpulan data daripada informan, manakala senarai semak analisis dokumen digunakan untuk menilai kesahihan, kebolehpercayaan dan relevansi sumber dokumen yang dikaji. Data yang diperolehi daripada kedua-dua kaedah ini kemudiannya dibandingkan dan dianalisis bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh mengenai pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Perak.

Pengkaji telah memilih 2 orang responden iaitu kakitangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) cawangan Taiping. Sebab pengkaji memilih kakitangan MAIPk adalah kerana mereka mengetahui bagaimana pelaksanaan bantuan zakat dalam memperkasakan ekonomi asnaf di Taiping, Perak. Selain itu, mereka mengetahui pelbagai perkara berhubung pengurusan zakat di Taiping, Perak dan pastinya mengetahui bantuan yang diberikan oleh institusi zakat kepada asnaf. Justeru, pengkaji berharap temu bual yang akan dijalankan dapat memberi impak dan pengetahuan kepada penyelidikan ini. Pengkaji juga akan memastikan segala maklumat yang diperolehi daripada temu bual akan dapat menjawab persoalan dalam penyelidikan ini.

Bagi responden pertama, pengkaji memilih En Zulfadli Bin Baharum yang memegang jawatan Ketua Pegawai MAIPk cawangan Taiping. Beliau telah mendedikasikan 15 tahun kerjayanya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan telah menimba pengalaman dan pengetahuan yang ketara dalam mengurus dan menganjurkan zakat, wakaf dan harta di Taiping, Perak. Sebab pengkaji memilih beliau sebagai salah seorang responden adalah kerana beliau memegang jawatan tertinggi di MAIPk cawangan Taiping. Komitmen beliau yang sekian lama terhadap MAIPk mencerminkan kefahaman beliau yang mendalam terhadap operasi institusi dan dapat memberikan data dan maklumat yang relevan berkaitan bantuan zakat dalam memperkasakan ekonomi asnaf.

